



Iklan Pengambilan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Untuk Berkhidmat Sebagai Pensyarah PPPS Gred DG44/DG48/DG52 Di Kolej Matrikulasi, Kementerian Pelajaran Malaysia

1. Kekosongan Jawatan

Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang sedang berkhidmat dengan kerajaan Malaysia adalah dipelawa memohon untuk mengisi jawatan-jawatan kosong yang setara atau lebih tinggi daripada gred semasa sebagai Pensyarah PPPS Gred DG44/DG48/DG52 di Kolej Matrikulasi. Kekosongan jawatan di Kolej Matrikulasi adalah seperti berikut:

B il.	Bidang/Mata Pelajaran	Kolej Matrikulasi
1.	Fizik	Bidang/Mata Pelajaran untuk semua kolej berikut: Kolej Matrikulasi Melaka Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan Kolej Matrikulasi Pulau Pinang Kolej Matrikulasi Perlis Kolej Matrikulasi Labuan Kolej Matrikulasi Perak Kolej Matrikulasi Johor Kolej Matrikulasi Pahang Kolej Matrikulasi Kedah
2.	Kimia	
3.	Biologi	
4.	Matematik	
5.	Ekonomi	
6.	Pengurusan Perniagaan	
7.	Perakaunan	
8.	Pendidikan Islam	
9.	Pendidikan Moral	
10.	Sains Komputer	
11.	Bahasa Inggeris	
12.	Dinamika Kemahiran	
13.	Kokurikulum	

2. Syarat- syarat

Bagi jawatan pensyarah PPPS Siswazah Gred DG44/DG48/DG52 calon-calon mestilah telah disahkan dalam jawatan dan mempunyai:-

a. Kelayakan Akademik

Ijazah Sarjana Muda dengan pengkhususan dalam bidang/mata pelajaran yang dipohon dan boleh mengajar pada peringkat tinggi yang setara dengan matrikulasi, A Level dan STPM

b. Kelayakan Ikhtisas

- i) Diploma Pendidikan daripada Universiti yang diiktiraf atau Sijil/Diploma Perguruan dari Maktab/Institut Perguruan; dan
- ii) Pengalaman mengajar mata pelajaran pengkhususan sebagai guru PPPS Gred DG44/DG48/DG52 sekurang-kurangnya 3 tahun berturut-turut.

3. Bidang Tugas Utama

Antara bidang tugas utama pensyarah ialah :-

- i) Memberi kuliah dalam mata pelajaran seperti yang ditetapkan;
- ii) Memberi tutoran dalam mata pelajaran seperti yang ditetapkan;
- iii) Menjadi pensyarah mentor bagi satu-satu kumpulan pelajar;
- iv) Memberi dan menilai kerja kursus pelajar;
- v) Menggubal soalan dan memeriksa skrip jawapan peperiksaan;
- vi) Menjadi mentor rakan sebaya dalam pengajaran & pembelajaran;
- vii) Membuat Penyelidikan dan penulisan ilmiah; dan
- viii) Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Pengarah, Timbalan Pengarah, Ketua Jabatan dan Ketua Unit dari semasa ke semasa.

4. Cara Memohon

Permohonan hendaklah dibuat dengan cara:

- i) Memuat turun borang **PKM** dari laman web <http://www.moe.gov.my>. dan dicetak;
- ii) Borang yang telah lengkap diisi hendaklah disahkan oleh Ketua Jabatan sebelum dikemukakan ke Bahagian Matrikulasi.

5. Dokumen-Dokumen Yang Diperlukan

Permohonan hendaklah disertakan bersama dokumen-dokumen berikut:-

- i) 1 salinan Kenyataan Perkhidmatan yang kemaskini dan disahkan;
- ii) 1 salinan Laporan Prestasi Tahunan bagi 3 tahun terkini yang disahkan;
- iii) Salinan-salinan Sijil/Diploma/Ijazah dan dokumen-dokumen yang berkaitan yang disahkan;
- iv) 1 salinan pengesahan Laporan Pengistiharan Harta yang disahkan (Bukan Borang Laporan Pengistiharan Harta);
- v) 1 salinan laporan Kenyataan Tatatertib yang disahkan; dan
- vi) 1 salinan Slip Keputusan PTK terkini yang disahkan.

6. Cara Menghantar Borang Permohonan

Borang **PKM** yang telah lengkap dan disahkan oleh **Ketua Jabatan/Pengetua** bersama dokumen-dokumen yang diperlukan, hendaklah dihantar melalui **Ketua Jabatan/Pengetua** kepada :-

**Pengarah
Bahagian Matrikulasi
Kementerian Pelajaran Malaysia
Aras 6-7, Blok E15
Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA**

Nota : Sila pastikan anda menulis **PKM** di sudut atas kiri sampul surat.

7. Temu Duga

Permohonan yang berjaya akan dipanggil untuk menghadiri satu sesi temu duga pada tempat dan masa yang akan ditetapkan kemudian. Segala urusan dan perbelanjaan temu duga ini adalah di bawah tanggungan pemohon sendiri.

*** PERHATIAN:-**

PERMOHONAN YANG DITERIMA YANG TIDAK LENGKAP DAN TIDAK MEMENUHI SYARAT TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN